

AKHBAR : **Berita Harian Online**  
TARIKH : 01 Oktober 2024  
SENTIMEN: Positif

MUKA SURAT: Online  
HARI : Selasa



The header of the Berita Harian Online website. It features the BH ONLINE logo with a red ribbon award. To the right, it shows the date "Ahad, 13 Oktober 2024, 5:09pm". Below the date are links to the App Store and Google Play, and social media icons for Facebook, X, Instagram, YouTube, LinkedIn, and TikTok. A search bar with the placeholder "Cari kata kunci" is also present.

## PTPTN terus perkasa masyarakat dengan amalan menabung

Oleh [Saadiah Ismail](#) - September 30, 2024 @ 11:35am  
[saadiah\\_ismail@bh.com.my](mailto:saadiah_ismail@bh.com.my)



Norliza bersama Ketua Eksekutif PTPTN, Ahmad Dasuki Abdul Majid

KUALA LUMPUR: Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) kekal komited untuk terus memperkasakan masyarakat dengan amalan menabung demi masa depan menerusi produk simpanan utamanya iaitu Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN). Ini terbukti apabila Simpan SSPN yang memasuki usia dua dekad tahun ini, berjaya menunjukkan prestasi membanggakan dengan jumlah deposit simpanan sebanyak RM18.85 bilion dengan bilangan akaun berjumlah 6.54 juta setakat 31 Ogos ini. Pengurusi PTPTN, Datuk Seri Norliza Abdul Rahim, berkata tempoh dua dekad itu bukanlah satu fasa yang

singkat selain pelbagai cabaran diharungi untuk memastikan SSPN kekal relevan dan berdaya saing di negara ini. Katanya, selari dengan pencapaian jumlah deposit dan bilangan akaun diterima itu, PTPTN terus optimis melaksanakan program 'signature' iaitu Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2024 yang bertemakan Fantasi sempena Hari Impian Sedunia dengan tagline 'Jom Jadi Superhero Anak Anda'. "Tema itu menjadi pilihan kerana ia secara tidak langsung dapat mengangkat idea dan kreativiti untuk merangsang daya imaginasi serta perkembangan kanak-kanak bagi meneroka ilmu, pengalaman baharu untuk menyerlahkan potensi mereka. "Tema itu juga signifikan dengan motto PTPTN 'Peluang Kejayaan Anda' iaitu memenuhi impian anak-anak untuk mengecapi kejayaan dengan usaha bersungguh-sungguh serta membuat persediaan kewangan yang baik," katanya pada pelancaran BMS SSPN 2024, di sini, kelmarin. BMS yang memasuki usia tahun ketujuh pengajurannya sejak dilakukan pada tahun 2018 adalah satu insiatif pemerkasaan penabungan dipelopori PTPTN bertujuan untuk memastikan setiap ibu bapa menjadi adiwira kepada anak-anak dengan perancangan kewangan untuk pendidikan tinggi. Pada Majlis Pelancaran BMS 2024, turut diadakan penyampaian sijil penghargaan kepada rakan strategik BMS 2024 dan tayangan lagu korporat PTPTN yang telah diberi nafas baru, seiring dengan perkembangan industri muzik.



SK Convent Bukit Nanas 1 dinobat juara pertandingan Action Song Simpan SSPN 2024.

Turut diraikan pada majlis itu ialah penyampaian hadiah pemenang Cabutan Siri WOW! dan penyampaian hadiah kepada pemenang pertandingan Action Song Simpan SSPN 2024. Norliza berkata, perancangan kewangan yang tepat secara tidak langsung disifatkan dapat mengurangkan kebergantungan masyarakat kepada pinjaman untuk meneruskan pendidikan. "Justeru BMS kali ini, PTPTN menyasarkan untuk menerima jumlah deposit SSPN sebanyak RM220 juta dan saya yakin ia akan dapat dicapai dengan sokongan serta kerjasama oleh pelbagai pihak serta strategi promosi yang dilaksanakan. "Pada masa sama, Simpan SSPN juga menawarkan keistimewaan dan manfaat seperti pelepasan taksiran cukai pendapatan sehingga RM8,000 setahun, perlindungan takaful ke atas pendeposit, dividen kompetitif, Geran Sepadan sehingga RM10,000 bagi satu keluarga yang layak, patuh syariah dan simpanan dijamin kerajaan," katanya. Sementara itu, pemenang Siri Cabutan WOW!, Chan Yin Ling, 44, berkata ini adalah kali pertama beliau memenangi cabutan hadiah yang disifatkan begitu bermakna dan bernilai untuk masa depan dua anaknya. Katanya, beliau tidak pernah terfikir untuk mencari peluang memenangi sebarang pertandingan, sebaliknya simpanan dilakukan sebanyak RM500 setiap seorang anaknya bertujuan untuk jaminan masa depan pendidikannya. "Saya melakukan tabungan di Simpan SSPN Prime untuk anak sejak tahun 2017 dengan membuat potongan gaji selain ingin mendapat segala manfaat dan

keistimewaan yang diberikan."Pengalaman berdepan kekangan sumber kewangan ketika ingin melanjutkan pengajian di peringkat universiti juga menjadi antara sebab saya menabung untuk masa depan pendidikan anak-anak," katanya. Beliau yang guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Kerayong, Bera, berkata ibu bapa yang berkemampuan amat digalakkan untuk melakukan tabungan di Simpan SSPN kerana tanpa disedari, anak akan mempunyai jaminan untuk pendidikan mereka tanpa perlu melakukan pinjaman. "Menabung adalah satu keperluan yang sangat penting dan dalam masa yang sama didiklah anak-anak untuk mempunyai tabiat menabung walaupun sedikit, kerana lama-lama ia akan menjadi bukit," katanya. Bagi guru pengiring Sekolah Kebangsaan (SK) Convent Bukit Nanas 1, Nur Farah Sahira Ahmad Tarmizi, beliau gembira apabila sekolahnya dinobatkan sebagai juara pertandingan Action Song Simpan SSPN 2024 dan menyifatkan ia sebagai kemenangan berganda "Selain usaha gigih murid yang mempunyai masa berlatih selama lima hari saja sebelum pertandingan, wang kemenangan itu juga akan menjadi titik tolak kepada anak murid ini mempunyai akaun Simpan SSPN sendiri. "Pihak PTPTN menyediakan hadiah berupa tunai dalam bentuk akaun Simpan SSPN untuk diagihkan kepada setiap murid dan mereka juga gembira. Dalam masa yang sama, mereka mempunyai pengetahuan mengenai Simpan SSPN dan memahami tujuannya. "Sepanjang berlatih, setiap lagu yang dinyanyikan mempunyai makna dan mereka secara tidak langsung memahami tujuan Simpan SPN itu diwujudkan," katanya.



Norliza disertai Ahmad Dasuki menyampaikan replika cek kepada pemenang Siri Cabutan WOW! Kasih, Yin Ling (tiga dari kiri).

Bagi pengunjung, Shahira Mohd Rafi, 31, program BMS yang dilaksanakan oleh PTPTN ini adalah satu wadah kepada orang ramai untuk mendapatkan lebih banyak maklumat terkini berkaitan PTPTN dan Simpan SSPN. "Jika sebelum ini, ramai yang beranggapan dengan adanya PTPTN, anak yang memasuki universiti tidak perlu risau, tetapi sebaliknya ia adalah satu pinjaman dan perlu dibayar pada masa hadapan. "Jika melakukan tabungan di Simpan SSPN, ini adalah lebih baik dan anak tidak perlu untuk membayar lagi," katanya yang sudah mempunyai dua akaun untuk dua anaknya yang berusia dua tahun dan empat bulan.